

**Agong Tiba Untuk Lawatan Empat Hari Ke Vietnam  
Bernama  
5 Sept, 2013  
Daripada: SITI AISHAH HARUN**

HANOI, 5 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah tiba di sini bagi memulakan lawatan negara empat hari ke Vietnam, Jumaat.

Pesawat khas yang membawa Seri Paduka berdua mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Noi Bai dari Bangkok, Thailand pada 10.45 pagi (11.45 pagi di Malaysia).

Ketibaan Seri Paduka berdua, yang diiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom selaku Menteri Pengiring serta pegawai kanan kerajaan disambut Pengerusi Pejabat Presiden Vietnam, Dao Viet Trung dan Timbalan Menteri Luar Vietnam Nguyen Phuong Nga.

Turut serta, Duta Vietnam ke Malaysia Nguyen Hong Thao dan beberapa kenamaan negara itu serta Duta Besar Malaysia ke Vietnam Datuk Azmil Mohd Zabidi.

Seri Paduka berdua turut menerima penghormatan daripada kawalan kehormat terdiri daripada 24 anggota Angkatan Tentera Vietnam.

Lawatan Seri Paduka ke Vietnam juga diiringi Tunku Laksamana Kedah Datuk Seri Diraja Tunku Abdul Hamid Thani, serta kedua-dua anakanda Seri Paduka, Tunku Panglima Besar Kedah Tunku Puteri Intan Syafinaz dan Datuk Seri Diraja Tunku Soraya.

Semasa di sini, Tuanku Abdul Halim dijadual menerima menghadap Presiden Vietnam Truong Tan Sang dan Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam Nguyen Phu Trong, serta berangkat ke majlis makan malam bersama Presiden Vietnam dan menghadiri majlis bersama komuniti rakyat Malaysia di sini.

Ini merupakan lawatan pertama Seri Paduka ke Vietnam selepas ditabal sebagai Yang di-Pertuan Agong buat kali kedua pada 11 April tahun lepas.

Sebelum ini, baginda telah melawat Indonesia dan Brunei pada tahun lepas, dan menamatkan lawatan negara selama tiga hari ke Thailand pagi ini.

Lawatan negara Yang di-Pertuan Agong ini, yang diadakan sempena ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara Kuala Lumpur-Hanoi yang terjalin pada 30 Mac 1973, diharap dapat meningkatkan lagi hubungan diplomatik serta kerjasama sedia ada antara Malaysia dan Vietnam dalam bidang pelaburan, perdagangan, keselamatan dan pelancongan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975359>